

PENERANGAN

77. (P)  
KUALA LUMPUR, 7 OKT. (BERNAMA) -- JENTERA PENERANGAN UMNO MALAYSIA AKAN DIKAJISEMULA DARI SEGI STRATEJI DISAMPING MENGADAKAN PENDEKATAN BARU SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN POLITIK NEGARA.

DEMikian DINYATAKAN OLEH PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMMAD, KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSKAN MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PENERANGAN UMNO MALAYSIA DI BUPEJABAT UMNO DI SINI HARI INI.

KATANYA, PERSIAPAN JENTERA PILIHANRAYA PERLU DIBUAT BUKAN SAHAJA UNTUK MENGHADAPI PILIHANRAYA UMUM TETAPI JUGA BAGI MENE-RANGKAN KEPADA RAKYAT TENTANG DASAR KERAJAAN.

KATANYA, PIHAK UMNO SENTIASA BERSEDIA BAGI MENGHADAPI PILIHAN-RAYA UMUM.

BELIAU ENGGAN MENGULAS LANJUT TENTANG PERKARA ITU.

SERAMAI 30 ORANG PEGAWAI PENERANGAN NEGERI HADIR DI MESYUARAT ITU. -- BERSAMBUNG 1927/A1

EE

B624:

PENERANGAN 2 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU, SISTEM PENYAMPAIAN SESUATU PENERANGAN BER-KAITAN DENGAN DASAR UMNO PERLU DISESUAIKAN DENGAN JENERASI MUDA SEJAJAR DENGAN PERGOLAKAN POLITIK SEMASA.

KATANYA, PIHAK SEKRETARIAT AKAN MENYEDIAKAN BAHAN-BAHAN PENERANGAN DAN GARIS-KASAR YANG SESUAI SERTA BOLEH DITERIMA OLEH JENERASI MUDA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR PERKATA JENTERA PENERANGAN UMNO HENDAKLAH DIUBAHSUAIKAN DENGAN IKLIM POLITIK NEGARA. -- BERSAMBUNG PENERANGAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA SETAKAT INI BELUM LAGI ADA RANCANGAN BAGI MENGADAKAN PERJUMPAAN ANTARA PARA PEGAWAI PENERANGAN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

KATANYA, PERJUMPAAN BAGI PARA PEGAWAI PENERANGAN UMNO DI PERINGKAT NEGERI AKAN JUGA DIADAKAN BAGI MENYELARASKAN LAGI KEGIATAN PENERANGAN TIDAK LAMA LAGI.

BELIAU BERKATA SUSUNAN JENTERA PENERANGAN DI PERINGKAT NEGERI JUGA PERLU DIBUAT BAGI MEMPERKEMASKAN SERTA MENYELARASKAN KEGIATAN PENERANGAN. -- BERNAMA 1931/A1